

Lampiran 3

Jurnal Penyelidikan Pendidikan MICSS

Garis Panduan

Terima kasih kerana menghantar manuskrip ke *Jurnal Penyelidikan Pendidikan MICSS*. Tujuan penerbitan jurnal adalah untuk meningkatkan tindakan penyelidikan akademik untuk MICSS, menyediakan platform perbincangan dan interaksi akademik untuk MICSS, memperluas pengaruh penyelidikan pendidikan MICSS, serta mengumpul hasil penyelidikan untuk MICSS.

Sila baca syarat-syarat manuskrip jurnal ini dengan teliti sebelum penghantaran dan penulisan manuskrip hendaklah mengikut templat yang dipaparkan dalam [Lampiran 4, Templat Penghantaran Manuskrip](#). Mengemukakan manuskrip dengan format yang betul dan sesuai supaya mempercepat proses tinjauan dalam penerbitan. Sekiranya pengarang tidak menulis manuskrip mengikut kehendak jurnal ini, sidang pengarang berhak menolak atau mengembalikan manuskrip yang dihantar.

Manuskrip yang dihantar mestilah asli dan tidak pernah diterbitkan di jurnal-jurnal lain atau tidak pernah menghantar ke jurnal-jurnal lain dan menunggu penerimaan. Jurnal ini menerima laporan penyelidikan yang ditulis dalam bahasa Cina, bahasa Melayu, dan bahasa Inggeris secara individu atau berkumpulan. Semua manuskrip akan disemak oleh sekurang-kurangnya dua pakar sebelum diterbitkan. Proses dari penerimaan manuskrip hingga penerbitan akan memakan masa tiga hingga enam bulan.

1. Skop

Jurnal ini menyambut baik laporan penyelidikan mengenai sistem pendidikan MICSS seperti Matlamat Pendidikan, Reka Bentuk Kurikulum, Kandungan Kurikulum, Pelaksanaan Kurikulum, Penilaian Kurikulum, dan Pengurusan Kurikulum. Maklumat lanjutan boleh merujuk kepada Lampiran 1, Panggilan Kertas Kerja.

2. Panduan Penghantaran

Untuk membuat penghantaran yang berjaya, panduan berikut mesti dipatuhi.

2.1 Manuskrip mesti menggunakan *Times New Roman*, saiz fon 12, jarak baris 1.5 dan margin imbang (*justified*).

2.2 Manuskrip harus merangkumi dua bahagian utama, iaitu;

- a) Halaman Tajuk: harus mengandungi tajuk kajian, nama pengarang, jawatan yang dipegang dalam institusi, serta alamat e-mel. Terjemahan ke bahasa Inggeris mesti disertakan (terjemahan tidak perlu sekiranya manuskrip ditulis dalam bahasa Inggeris atau bahasa Melayu).
- b) Abstrak dan Bahagian Utama:
 - Termasuk tajuk, panjang abstrak sekitar 300-500 patah perkataan, dan terdapat lima kata kunci. Sekiranya manuskrip dalam bahasa Cina, abstrak dalam bahasa Inggeris mesti disediakan, dan terjemahan ke dalam bahasa Cina untuk manuskrip bahasa Melayu atau bahasa Inggeris adalah tertakluk pada budi

bicara pengarang. Walau bagaimanapun, sidang pengarang mungkin menyediakan perkhidmatan penterjemahan abstrak mengikut keperluan.

- Bahagian Utama: Bahagian Utama manuskrip harus merangkumi bahagian berikut, kecuali maklumat pengarang supaya proses semakan *double-blind* dapat dijalankan.
 - i. Pengenalan / Latar Belakang Kajian: Menjelaskan objektif kajian dan kepentingan penyelidikan.
 - ii. Tinjauan Literatur: Pengkaji dikehendaki memberikan laporan dan perbincangan kajian terdahulu yang berkaitan dengan objektif kajian. Tinjauan literatur juga boleh diintegrasikan dalam bahagian lain dan bukannya dibentangkan sebagai satu topik kecil dalam manuskrip.
 - iii. Metodologi Kajian: Pengkaji diminta menjelaskan penerapan kaedah penyelidikan, termasuk perbincangan mengenai sampel, soal selidik, proses pengumpulan data, instrumen penyelidikan dan isu-isu lain yang berkaitan.
 - iv. Analisis Data dan Perbincangan: Menganalisis data yang diperolehi dan juga membincangkan penemuan penyelidikan.
 - v. Kesimpulan dan Cadangan: Pengkaji diminta membuat ringkasan laporan penyelidikan dan membuat cadangan penyelidikan.
 - vi. Rujukan: Rujukan manuskrip mesti disusun mengikut format APA versi terkini.

2.3 Penggunaan bahasa dalam manuskrip hendaklah tepat dan ringkas. Oleh itu, sebelum penghantaran manuskrip, pengarang harus memastikan bahawa penyusunan manuskrip itu jelas dan ringkas, tatabahasa adalah standard, dan tidak ada kesalahan ejaan.

Sidang Pengarang berhak mengembalikan manuskrip yang tidak memenuhi skop, format, atau makna teks itu samar-samar, atau tidak mempunyai kepentingan penyelidikan.

3. Penyediaan Manuskrip

3.1 Penyediaan Teks

Jurnal Penyelidikan Pendidikan MICSS menerima kertas empirikal yang ditulis dalam bahasa Cina, bahasa Inggeris, dan bahasa Melayu. Manuskrip tidak boleh melebihi 10,000 patah perkataan (tidak termasuk rujukan dan lampiran).

Manuskrip mesti mengandungi halaman tajuk, abstrak, kata kunci, pengenalan, tinjauan literatur, kaedah penyelidikan, hasil penyelidikan, perbincangan, penghargaan (jika ada), bahan rujukan, lampiran (jika ada), jadual, dan rajah berserta penjelasan (gambar mesti dihantar secara berasingan).

Manuskrip mestilah ditulis dalam **bahasa Melayu Moden** dan menggunakan format rujukan APA (edisi ke-7). Pengarang mesti menyemak kata-kata dan ayat manuskrip, dan sidang pengarang tidak akan menyemak ayat dan tatabahasa manuskrip. Sekiranya manuskrip mengandungi terlalu banyak kesalahan perbendaharaan kata, tatabahasa, dan format, manuskrip tersebut tidak akan diterima.

3.2 Pengarang dan Hak Cipta

Pengarang manuskrip hendaklah memastikan bahawa semua orang yang tertera sebagai pengarang mempunyai hak cipta, dan semua pengarang yang menyumbang kepada manuskrip tersebut telah disenaraikan. Semua nama pengarang yang dipaparkan mesti bersetuju dengan versi akhir manuskrip dan juga bersetuju dengan penerbitan manuskrip tersebut.

Semua gelaran, institusi, dan alamat surat-menyurat pengarang mesti disenaraikan dengan jelas. *Corresponding author* harus ditandakan dengan tanda bintang (*) dan berserta e-mel untuk memudahkan sidang pengarang berhubung sekiranya perlu. Sekiranya manuskrip adalah dalam bahasa Cina, semua maklumat mesti diberikan dalam bahasa Cina dan bahasa Inggeris.

3.3 Tajuk

Tajuk manuskrip harus ringkas dan mempunyai maklumat yang lengkap. Singkatan harus dielakkan semasa menulis tajuk manuskrip. Tajuk manuskrip tidak boleh melebihi 20 patah perkataan. Kandungan manuskrip mungkin mempunyai subtopik (rujuk [Lampiran 4, Templat Penghantaran Manuskrip](#)). Sekiranya manuskrip itu dalam bahasa Cina, terjemahan dalam bahasa Inggeris mesti diberikan. Adalah baik sekiranya dapat memberikan terjemahan bahasa Melayu, jika tidak, sidang pengarang akan memberikan perkhidmatan terjemahan ke dalam bahasa Melayu sekiranya perlu.

3.4 Abstrak

Abstrak kertas kajian hendaklah antara 300-500 patah perkataan. Abstrak harus merangkumi maklumat ringkas mengenai skop dan tujuan penyelidikan, persampelan dan kaedah, penemuan penyelidikan, serta implikasi dan cadangan penyelidikan. Abstrak manuskrip dapat menjadi dokumen yang tersendiri, pembaca dapat memahami isi umum penyelidikan setelah membaca abstrak. Abstrak tidak boleh mengandungi dokumentasi atau penjelasan rajah. Sekiranya manuskrip itu dalam bahasa Cina, terjemahan dalam bahasa Inggeris mesti diberikan. Adalah baik sekiranya dapat memberikan terjemahan bahasa Melayu, jika tidak, sidang pengarang akan memberikan perkhidmatan terjemahan ke dalam bahasa Melayu sekiranya perlu .

3.5 Kata Kunci

Kata kunci digunakan untuk memudahkan pencarian artikel, jadi istilah umum harus dielakkan. Berikan lima kata kunci khas dan khusus yang berkaitan dengan kandungan manuskrip. Sekiranya manuskrip itu dalam bahasa Cina, terjemahan dalam bahasa Inggeris mesti diberikan. Adalah baik sekiranya dapat memberikan terjemahan bahasa Melayu, jika tidak, sidang pengarang akan memberikan perkhidmatan terjemahan ke dalam bahasa Melayu sekiranya perlu.

3.6 Penghargaan

Penghargaan adalah ruang kepada pengarang untuk mengucapkan terima kasih kepada individu-individu yang menyumbang kepada penyusunan manuskrip. Walau bagaimanapun, sumbangan individu-individu ini belum mencapai kriteria penulisan manuskrip. Individu-individu ini termasuk mereka yang memberikan sokongan teknikal semasa proses penulisan atau membantu dalam penyuntingan manuskrip.

Penghargaan juga merangkumi unit yang menyediakan dana untuk penulisan manuskrip. Sekiranya terdapat dana penyelidikan, nombor siri dana penyelidikan mesti disenaraikan.

Penghargaan boleh diberikan kepada sidang pengarang setelah manuskrip telah diterima untuk penerbitan.

3.7 Rajah, lukisan, jadual, foto, dan maklumat tambahan yang lain

Jurnal ini mengalu-alukan pengarang untuk menyediakan bahan digital tambahan, seperti rajah, gambar, peta, lukisan, foto, dan lain-lain ketika menyerahkan manuskrip. Semua bahan mesti dilabel dengan nama fail dengan tepat. Sekiranya pengarang menggunakan bahan tambahan yang bukan milik hak cipta sendiri, pengarang mestilah mendapatkan kebenaran dari pihak yang berkenaan sebelum penghantaran manuskrip serta melampirkan bukti kebenaran tersebut.

Sekiranya pengarang gagal mendapat kebenaran maklumat tambahan ini, kemungkinan mengakibatkan maklumat relevan ini hilang ketika manuskrip diterbitkan.

Semua maklumat tambahan mesti dicatat dalam manuskrip (rujuk [Lampiran 4, Templat Penghantaran Manuskrip](#)) dan menghantar maklumat ini dalam fail yang berasingan.

3.8 Contoh Rujukan

Buku:

Bates, A.W. (2000). *Managing technological change: Strategies for college and university leaders*. Jossey-Bass.

Bab dalam buku:

Berge, Z.L., Collins, M., & Dougherty, K. (2000). Design guidelines for web-based courses. In B. Abbey (Ed.), *Instructional and cognitive impacts of web-based education* (pp. 32-40). Idea Group Publishing.

Jurnal:

Reeves, T.C., & Laffey, J.M. (1999). Design, assessment, and evaluation of a problem-based learning environment in undergraduate engineering. *Higher Education Research and Development Journal*, 18(2), 219-232.

Conference proceedings:

Edwards, C. (1999). Models for web-based instruction: A discussion of recurring themes. In K.E. Sparks & M. Simonson (Eds.), *Proceedings of the 21st National Convention of the Association for Educational Communications and Technology* (pp. 319-321). Houston, TX: AECT.

Bahan dalam talian:

Chandler, T. (2001). *Outback and in again: A new graduate's experience of rural and remote nursing*. Sixth National Rural Health Conference. <http://www.abc.net.au/health/papers/paper11.htm>.

Sila rujuk [Lampiran 4, Templat Penghantaran Manuskrip](#) untuk lebih banyak maklumat.

4. Penyuntingan sebelum Penerbitan

Manuskrip yang diterima akan disusun kemudian dihantar kepada pengarang dalam bentuk file Pdf. *Corresponding author* harus menyemak manuskrip seperti yang dikehendaki oleh sidang pengarang secepat mungkin, kemudian e-mel kembali kepada sidang pengarang mengikut tarikh yang ditetapkan demi kelancaran kerja-kerja penerbitan.

5. Hak Cipta

Setelah manuskrip diterima, pengarang diminta untuk memberikan kebenaran kepada penerbit untuk menerbitkan artikel tersebut agar dapat diedarkan secara meluas. Sekiranya manuskrip

tersebut melibatkan hak cipta pihak ketiga, pengarang perlu mendapatkan kebenaran dari pihak tersebut terlebih dahulu serta menyatakan sumbernya dalam artikel tersebut.

6. Dasar Akses Terbuka

Semua kandungan jurnal ini diakses secara percuma kepada individu atau organisasi. Pengguna boleh membaca, memuat turun, menyalin, memetik, atau mengongsi pautan artikel berkaitan dalam jurnal ini.

7. Penghantaran dan Pertanyaan Lanjut

Manuskrip harus dihantar dalam bentuk MS WORD, maklumat fail yang relevan juga hendak dihantar bersama kepada e-mel yang berikut, atau sebarang pertanyaan lebih lanjut juga boleh e-mel ke alamat berikut;

Dr. Koon Lan Chok / Mr. Tan Chun Liang
e-mel: micss.editor@djz.edu.my

Penyunting

Jurnal Penyelidikan Pendidikan MICSS

Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong)

Blok A, Lot 5, Seksyen 10,

Jalan Bukit,

43000 Kajang, Selangor,

Malaysia.